

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK ABD RAHIM BIN  
BAKRI [ KUDAT ]**

**NO. SOALAN : 9**

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN  
WILAYAH** menyatakan apakah Kementerian  
bercadang memperluaskan bekalan elektrik luar  
bandar dan bekalan air luar bandar ke seluruh Pulau  
Banggi memandangkan masih terdapat banyak  
kampung-kampung di kawasan Pulau Banggi yang  
masih belum mendapat bekalan ini.

**JAWAPAN:**

Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah RMKe-9 dan RMKe-10, Kementerian ini telah membelanjakan peruntukan sebanyak RM 102.5 juta bagi pelaksanaan Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) Sistem Solar Hibrid Fasa I dan Fasa II di Pulau Banggi, Kudat.

Sistem Solar Hibrid Fasa I siap dibina pada tahun 2007 iaitu melibatkan pembekalan elektrik kepada 6 buah kampung yang memberi manfaat kepada 602 buah rumah. Manakala, Sistem Solar Hibrid Fasa II pula siap dibina pada tahun 2013 melibatkan pembekalan elektrik kepada 11 buah kampung tambahan yang mempunyai kira-kira 620 buah rumah dan 3,100 orang penduduk.

Kementerian ini sedia maklum bahawa pembekalan elektrik sedia ada ini tidak dapat menampung pertambahan bilangan rumah dan kampung di seluruh pulau tersebut. Pada masa ini, dianggarkan

20

terdapat kira-kira 20 buah perkampungan di Pulau Bangi ini dengan jumlah penduduk seramai 30,000 orang.

Kementerian bersama-sama pihak Kerajaan Negeri Sabah melalui Unit Perancangan Ekonomi Negeri(UPEN) Sabah dan Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) sedang mengenalpasti kaedah pembekalan yang paling ekonomik dan efisien serta memenuhi keperluan sebenar penduduk sama ada melalui sambungan talian grid atau kaedah alternatif. Selepas kaedah pembekalan ini dikenal pasti, pelaksanaan projek akan dibuat tertakluk kepada kelulusan pihak Unit Perancang Ekonomi.

Untuk makluman Yang Berhormat jua, bagi projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB), Kementerian ini telah menyiapkan dua (2) buah projek di Pulau Banggi, Sabah iaitu:

- (i) Projek Merekabentuk, Membina dan Menyiapkan Loji Bekalan Air di Pulau Banggi, Sabah yang telah siap pada 19 Jun 2008 dan;

- (ii) Projek Penambahbaikan ke atas Muka Sauk (Intake) dan Loji Air Pulau Banggi, Kudat, Sabah yang telah siap pada 23 Jun 2017.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian telah memasukkan dua buah kampung iaitu Kampung Log Tohog (40 buah rumah) dan Kampung Limbuak Darat (25 buah rumah) di Pulau Banggi ke dalam skop pelaksanaan Projek BALB Sistem Retikulasi Negeri Sabah Zon 10 Daerah Kudat. Projek ini berada diperingkat penilaian tender dan proses pelantikan kontraktor dijangka selesai pada bulan April 2018.

Kementerian ini sentiasa berusaha dan komited dalam menyediakan dan meningkatkan kemudahan bekalan air bersih dan terawat bagi masyarakat luar bandar. Kementerian sentiasa bekerjasama dengan Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN) Sabah, Kementerian Pembangunan Infrastruktur (KPI) Sabah dan Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) bagi mengenalpasti kampung-kampung yang belum

22

mendapat bekal air bersih dan terawat di Pulau Banggi.

## SOALAN ( 10 )

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI  
[ KUDAT ]

SOALAN :-

YB DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI [ KUDAT ] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan apakah Kementerian bercadang untuk membina unit tambahan rumah PPR di daerah Kudat memandangkan masih ramai lagi penduduk kurang berkemampuan di daerah Kudat yang memerlukan perkhidmatan ini.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi kawasan Parlimen Kudat terdapat 2 projek Program Perumahan Rakyat (PPR) iaitu **PPR Jalan Upper, Kudat** yang melibatkan pembinaan 500 unit rumah PPR yang telah siap dibina pada tahun 2014 dan **PPR Pitas** yang melibatkan 440 unit rumah PPR yang masih dalam peringkat pembinaan yang dijangka dapat disiapkan pada 4 Oktober 2020.

Buat masa ini, pihak Kementerian belum ada cadangan pembangunan projek PPR baharu di kawasan Kudat. Kerajaan Negeri Sabah boleh mengemukakan cadangan projek PPR dan tapak yang sesuai dalam kawasan Parlimen Kudat untuk pertimbangan Kementerian. Pelaksanaan projek PPR baharu adalah tertakluk kepada kelulusan dan peruntukan kewangan oleh Kerajaan Persekutuan.

Kementerian Kesejahteraan Bandar  
Perumahan Dan Kerajaan Tempatan

Mac 2018